

MEDAN UJIAN PRESTASI PEMAIN

Sebagai persediaan hadapi
Sukan SEA pada 19 Ogos ini

AKTIVITI

Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@hmetro.com.my

Perlawanan Malaysia Rugby Union (MRU) Elite 7s atau Pra Sukan SEA menyaksikan pertembungan menarik dalam keseluruhan pusingan kerana membariskan kumpulan elit bakal menyertai pasukan kebangsaan.


Penganjuran kejohanan itu bertujuan mengukuhkan lagi prestasi pemain menjelang Sukan SEA 19 Ogos ini, semestinya lebih bermakna dengan kehadiran pasukan dari Singapura.

Pengarah Perlawanan Malaysia Rugby Union Elite 7s Pra Sukan SEA, Fahmy Jalil berkata, kejohanan kali ini pihaknya mengaluakan kedatangan 12 pasukan yang terdiri daripada lapan lelaki dan empat perempuan.

"Kejohanan ini membantu memastikan momentum atlet terutamanya bakal membarisi pasukan Kebangsaan kedudukan terbaik menjelang Sukan SEA nanti.

"Tambah pula dengan kehadiran tiga pasukan dari Singapura sebagai lawan memberi pendedahan mengenai strategi bakal disusun mereka.

"14 pasukan bertanding sudah kami saring antara pasukan terbaik serata



CUBA menyekat lawan.



TIDAK kurang lasaknya pemain kategori wanita.

Malaysia dipertemukan dalam perlawanan kali ini. Mereka dalam perlawanan kali ini ialah barisan atlet premier atau paling kurang divisyen dua.

"Kita berharap atlet ada di Malaysia terus menampilkan mutu permainan mantap kerana dengan beberapa siri perlawanan bertaraf antarabangsa, pasukan kita sudah menampakkan potensi dan mungkin tidak lama lagi status sukan ini bukan lagi sebagai alternatif sebaliknya sukan arus perdana," katanya.

Kata Fahmy, selain persatuannya bergerak aktif dalam penganjuran pertandingan, mereka turut mampan dalam penganjuran klinik mahupun akademi membabitkan sukan itu.

"MRU turut bekerjasama dengan Pusat Sains Sukan Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam pembangunan sukan ragbi. Harapan kami agar dapat memperbaiki kemahiran teknikal dan kejurulatihan (facilitating) dalam permainan berkenaan," katanya.

Bagi ahli pasukan Wanderers N9, Abdul Hafiz Razali, selaku pemain baru semestinya beraksi dalam perlawanan elit ini satu peluang keemasan.

Dia baru saja menyertai pasukan terbabit tahun lalu berkata, berlatih

INFO

MALAYSIA RUGBY UNION ELITE 7S PRA SUKAN SEA

• 12 pasukan (8 lelaki & 4 wanita)

• Lokasi Stadium MBPJ Kelana Jaya, Selangor

LOKASI SOSIAL:

Facebook Malaysia Rugby Union

bersama pemain profesional mendedahkan dirinya terhadap sikap baik serta matang ketika dalam padang.

"Pemainan ini tidak dinafikan membabitkan siri agresif mahupun 'tackle', jadi kadang kala pemain tidak hanya perlu memikirkan strategi permainan malah emosi boleh menjadi dorongan mahupun bebanan buat pemain.

"Bayangkan digasak bertalu-talu kemudian dalam cuaca panas kemudian 'trick' kita dirancang tidak 'menjadi' tentu saja boleh hilang fokus. Tetapi adanya ahli pasukan sentiasa ingatkan supaya konsisten dan terus fokus dalam kutipan mata itu menjadi peniuh semangat," katanya.

Berkongsi kisah dalam gelanggang, kata Hafiz, pesaing dari Singapura tidak kurang hebatnya.

"Antara siri perlawanan saya rasa menarik ialah ketika bertembung dengan Singa Malaya. Corak permainan ditunjukkan mereka pantas dan kami perlu pastikan stamina cukup mengejar mereka.

"Selain itu kelab tempatan tidak kurang garangnya kerana ada setengah pasukan mempunyai pemain Fiji sudah masak dengan taktik permainan ragbi. Awal perlawanan rentak kami agak perlahan, jadi sedikit ketinggalan, tetapi untuk pusingan seterusnya kami

berhasil tebus kembali," katanya.

Bagi pemain Singa Malaya, Mohd Jamil Zaini, atlet ragbi diturunkan kali ini membariskan gabungan pemain baru dan lama.

"Pada awal perlawanan tidak dinafikan formasi dalam padang agak goyah dan ramai melakukan kesilapan mudah. Tetapi lama-kelamaan mereka mula dapat rentap berjaya mendahului beberapa kelab.

"Saya berpuas hati dengan prestasi kami apatah lagi penat menempuh perjalanan jauh masih tidak hilang, jadi pada saya mereka sudah berikan terbaik. Perlu kami kemaskan ialah cara kami 'gelek' bola dan tingkatkan stamina jika ingin berada pada tahap pemain serantau," katanya.

Sementara itu pemain kategori wanita terbuka, Liyana Kamarul Bahrin berkata, enam siri perlawanan dalam kejohanan kali ini memberi kepuasan terutama ketika bertemu dengan Singapura.

"Saya bermain di posisi 'hooker' iaitu bahagian tengah di antara 'prop'. Boleh dikatakan saya perlu pastikan gerakan pantas. Paling mencabar ialah ketika menentang pasukan Singapura.

"Kami banyak kehilangan penguasaan permainan sehingga ke minit terakhir kami hanya mampu menyamakan kedudukan. Boleh dikatakan 14 minit sepanjang bersama



AKSI pasukan KL Tiger (baju belang hijau) disekat lawannya, pemain kelab Singapore Selects.



PROFIL

NAMA: Mohd Jamil Zaini
UMUR: 27
ASAL: Singapura
PASUKAN: Singa Malaya

PROFIL

NAMA: Fahmy Jalil
PERANAN: Pengarah Malaysia Rugby Union Elite 7s Pre Sea Games



PROFIL

NAMA: Abdul Hafiz Razali
UMUR: 24
ASAL: Kuala Lumpur
PASUKAN: Wanderers N9

mereka paling tertekan tetapi itu memberi kepuasan kepada kami selaku pemain profesional.

"Meskipun tahun ini tiada kategori wanita ditawarkan dalam Sukan SEA berbanding tahun sebelumnya, kami berharap ada kategori ini dipertaruhkan dalam temasya akan datang," katanya.

Kata Liyana, sukan ini sudah berkembang dalam kalangan wanita tempatan. Pencapaian itu dapat dilihat apabila institusi pengajian tinggi baik awam mahupun swasta sudah mempunyai pasukan masing-masing.

PERTEMBUNGAN
Simba RC (baju ungu) menentang kelab FRC Dingoes.

